



PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PANDAN RAFIZI RAMLI

No. 1-16, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 55100 Kuala Lumpur
Tel: 019 2625025 | Faks: 03 92013502 | Emel: pusatkhidmatpandan@gmail.com

29 September 2016

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima
Pandikar Amin Bin Hj Mulia
Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

Tan Sri Yang di-Pertua,

USUL MENCADANGKAN SATU RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN BERNAMA RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2016 MENGIKUT PERATURAN MESYUARAT 49(1) DAN 49(2)

Saya bercadang untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian dalam sesi akan datang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bersabit dengan kuasa menjalankan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya yang kini dimandatkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

Oleh yang demikian, mematuhi Peraturan Mesyuarat 49(1) dan 49(2) berkenaan pembentangan satu rang undang-undang persendirian, bersama-sama ini saya sertakan satu salinan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2016 serta satu usul yang saya kemukakan bagi tujuan tersebut yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Pandan untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2016 seperti berikut:

- i. Memasukkan fasal baru “Fasal (2)” di bawah Perkara 113 Perjalanan Pilihanraya selepas Fasal (1) dan sebelum “Fasal (2)(i)” seperti berikut:

(2) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Persempadanan yang hendaklah ditubuhkan mengikut Perkara 113A, yang, tertakluk kepada peruntukan undang-undang persekutuan dan perenggan-perenggan (i), (ii) dan (iii), hendaklah dari semasa ke semasa, sebagaimana yang difikirkannya perlu, mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya yang difikirkannya perlu supaya dipatuhi peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas.

- ii. Menggantikan “Fasal (2)(i)” di bawah Perkara 113 Perjalanan Pilihanraya seperti berikut:

(2)(i) Tertakluk kepada perenggan (ii), dalam menjalankan kajian semula pembahagian bahagian-bahagian pilihan raya seperti di dalam Fasal (2), Suruhanjaya Persempadanan hendaklah, kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke

Dewan-Dewan Undangan hendaklah dijalankan pada masa yang sama dengan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan Rakyat.

iii. Menggantikan frasa “Suruhanjaya Pilihan Raya” di dalam fasal-fasal (3), (3A)(i), (3A)(iii) dan (3B) di bawah Perkara 113 Perjalanan Pilihanraya dengan frasa “Suruhanjaya Persempadanan”.

iv. Menggantikan “Fasal (5)” di bawah Perkara 113 Perjalanan Pilihanraya seperti berikut:

(5) Setakat yang perlu bagi maksud fungsinya di bawah Perkara ini, Suruhanjaya Pilihan Raya dan Suruhanjaya Persempadanan boleh membuat kaedah-kaedah, tetapi mana-mana kaedah yang sedemikian hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan undang-undang persekutuan.

v. Memasukkan perkara baru “Perkara 114A” di bawah Bahagian VIII Pilihan Raya selepas Perkara 114 dan sebelum Perkara 115 seperti berikut:

Perkara 114A Keanggotaan Suruhanjaya Persempadanan

(1) Suruhanjaya Persempadanan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi dan enam orang anggota lain.

(2) Pada melantik anggota Suruhanjaya Persempadanan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil perhatian tentang peri mustahaknya suatu Suruhanjaya Persempadanan yang mendapat kepercayaan awam.

(3) Pada melantik pengerusi Suruhanjaya Persempadanan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memilih salah seorang dari hakim Mahkamah Persekutuan yang masih berkhidmat dan segala hak, kuasa, keistimewaan dan perlindungan yang diberikan kepada seorang hakim di bawah Perkara IX Badan Kehakiman adalah terpakai.

(4) Perlantikan pengerusi dan anggota-anggota Suruhanjaya Persempadanan hendaklah diluluskan oleh ahli-ahli Majlis Parlimen dengan sokongan melebihi dua pertiga dari ahli-ahli Majlis Parlimen yang hadir semasa usul mencadangkan perlantikan seorang pengerusi atau ahli Suruhanjaya itu diundi di Majlis Parlimen yang berkenaan.

(5) Seseorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya terhenti daripada memegang jawatan apabila mencapai umur enam puluh lima tahun atau apabila hilang kelayakan di bawah Fasal (6) dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong, tetapi tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atau alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

(6) Walau apa pun apa-apa jua dalam Fasal (5), Yang di-Pertuan Agong hendaklah melalui perintah memecat daripada jawatan mana-mana anggota Suruhanjaya Persempadanan jika anggota itu—

- (a) seorang bankrap belum lepas; atau*
- (b) melibatkan diri dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan berbayar di luar tugas jawatannya; atau*
- (c) ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau Dewan Undangan sesuatu Negeri.*

(7) Sebagai tambahan kepada apa-apa kehilangan kelayakan yang diperuntukkan di bawah Fasal (6), pengerusi Suruhanjaya Persempadanan hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan pelantikannya ke jawatan itu atau pada bila-bila masa

selepas itu dia ialah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana perusahaan komersil, perindustrian atau perusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya: Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(8) Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan anggota Suruhanjaya Persempadanan, dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(9) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi terma jawatan anggota Suruhanjaya Persempadanan selain saraan mereka.

(10) Saraan dan terma lain jawatan bagi seseorang anggota Suruhanjaya Persempadanan tidaklah boleh, selepas pelantikannya, diubah menjadi kurang baik baginya.

(11) Jika, dalam apa-apa tempoh, Pengerusi Suruhanjaya Persempadanan telah diberi kebenaran bercuti oleh Yang di-Pertuan Agong atau tidak dapat menunaikan fungsinya kerana dia tidak ada di dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain, maka seorang anggota Suruhanjaya Persempadanan boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menunaikan fungsi pengerusi selama tempoh itu.

vi. **Menggantikan Perkara 115 Perjalanan Pilihanraya seperti berikut:**

Perkara 115. Bantuan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan Suruhanjaya Persempadanan

(1) Suruhanjaya Pilihan Raya dan Suruhanjaya Persempadanan boleh mengambil kerja apa-apa bilangan orang, mengikut apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat, yang ditentukan olehnya dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong.

(2) Apabila diminta oleh mana-mana Suruhanjaya seperti dalam Fasal (2), semua pihak berkuasa awam hendaklah memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang dapat dilaksanakan kepada Suruhanjaya berkenaan dalam menunaikan tugasnya; dan pada menjalankan fungsinya bagi membuat syor bagi menyempadankan bahagian pilihan raya bagi pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113, Suruhanjaya Persempadanan hendaklah meminta nasihat daripada dua orang pegawai Kerajaan Persekutuan yang mempunyai pengetahuan khas mengenai topografi dan taburan penduduk dalam unit kajian semula bagi pilihan raya persekutuan, dan pegawai itu hendaklah dipilih bagi maksud itu oleh Yang di-Pertuan Agong.

Saya mendoakan agar Allah SWT terus memberi bimbingan kepada YB Tan Sri dalam mengemudi perjalanan Parlimen yang mulia ini.

Wassalam.

Yang menjalankan amanah

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Rafizi Ramli', written over a light blue grid background.

Rafizi Ramli
Ahli Parlimen Pandan

Salinan Kepada:

Datuk Roosme Hamzah
Setiausaha Dewan Rakyat

LAMPIRAN